



# Muayad tertarik keramahan rakyat Malaysia

**UTUSAN: Apakah pandangan anda tentang rakyat negara ini?**

**MUAYAD:** Kebanyakan rakyat Malaysia yang saya kenali sama ada pelajar atau pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersifat peramah dan senang untuk bergaul sekalipun dengan mereka yang berlainan agama, bangsa dan negara.

**Sikap rakyat Malaysia yang paling anda senang?**

Mereka akan menegur anda selepas kali pertama berjumpa. Biarpun perjumpaan itu secara tidak formal tetapi mereka tetap akan bertegur dan bertanya khabar.

**Adakah anda memiliki ramai kenalan warga tempatan?**

Ya, sudah tentu dan mereka bukan sahaja dalam kalangan pelajar universiti tetapi juga jiran-jiran yang mudah mesra. Ramai juga yang saya kenali semasa beriadah dan bersukan.

**Apakah perkara yang menarik perhatian anda tentang kehidupan di negara ini?**

Saya tertarik kepada budaya ketimuran rakyat Malaysia yang mempunyai kelembutan, sopan santun dan sentiasa menghormati orang lain terutama yang lebih berusia.

**Adakah sebarang masalah dalam pergaulan harian dengan penduduk tempatan?**

Faktor bahasa, budaya dan cara hidup yang berbeza sedikit sebanyak menjadi kekangan. Namun, saya tidak pernah menganggap perkara itu sebagai masalah besar sebaliknya ia menjadi pengalaman baharu buat saya.

**Bagaimanakah cara untuk anda mengenali negara ini dengan lebih mendalam?**

Saya mahu meneroka dan menjelajah tempat-tempat yang menarik dan mempelajari keunikan negara ini.

## info

### MUAYAD MUBARAK IDRIS

- Pelajar Ijazah Sarjana Kimia Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- **Umur:** 26 tahun
- **Asal:** Umodrman, Sudan
- **Hobi:** Membaca dan melancong